



## MENTERI KEWANGAN MALAYSIA

### PRAKATA

Saya kemukakan di Dewan yang mulia ini buku Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2019 yang mengandungi Anggaran Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan bagi kementerian dan jabatan untuk melaksanakan program, aktiviti dan projek pembangunan bagi tahun 2019. Anggaran ini merupakan peruntukan bagi tahun keempat pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesebelas.

Kerajaan Pakatan Harapan telah mencatat sejarah dengan memenangi Pilihan Raya ke-14 dengan mandat menjalankan konsolidasi fiskal yang terjejas oleh skandal kewangan 1MDB, merancakkan pembangunan ekonomi yang mampan dan menjamin kesejahteraan ekonomi rakyat. Sehubungan itu, Kerajaan harus mengimbangi perlunya untuk mengurangkan hutang negara, mengawal defisit fiskal, mengurangkan ketirisan kewangan dan pada masa yang sama memastikan penjanaan pertumbuhan ekonomi yang mampan.

Belanjawan 2019 akan memberi penekanan kepada tiga (3) fokus utama iaitu membebaskan Malaysia daripada imej sebagai negara kleptokrasi, mewujudkan model negara keusahawanan dan memastikan kesejahteraan rakyat diberi keutamaan. Selain itu, Kerajaan juga akan memastikan projek pembangunan yang direncanakan di dalam Rancangan Malaysia Kesebelas diteruskan dengan model Kolaborasi 4P yang melibatkan, sektor Awam (Public), Swasta (Private), Profesional (Professional) dan Rakyat (People).

Saya yakin maklumat yang terkandung dalam buku ini dapat memberi gambaran yang jelas mengenai program, aktiviti dan projek setiap kementerian dan jabatan melalui Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan bagi tahun 2019. Maklumat daripada buku ini diharap dapat membantu semua pihak serta menjadi buku rujukan bagi perbahasan bajet tahun 2019 dan membolehkan hujah yang bernalas diketengahkan.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "LIM GUAN ENG".

LIM GUAN ENG

2 November 2018

*(Muka surat ini dibiarkan kosong)*